



**Nestlé** Good food, Good life

## **Siaran Akhbar**

Petaling Jaya, 20 Oktober 2022

### **Nestlé Sambut Ulang Tahun ke-110 di Malaysia, Tanam 110 Karang di Sabah dan Bersihkan Pantai di Seluruh Negara**

*500 sukarelawan Nestlé kumpul hampir 4 tan sampah di 8 lokasi di seluruh Malaysia*

**PETALING JAYA, 20 Oktober 2022** – Sempena ulang tahunnya yang ke-110 di Malaysia, seramai 500 kakitangan Nestlé telah menyertai inisiatif pembersihan pantai dan laut tahunan anjuran Syarikat tersebut. Pada tahun ini, selain mengumpulkan hampir 4 tan sampah di enam pantai, Nestlé juga melaksanakan aktiviti pembersihan bawah laut di Pulau Tioman, Pahang, dan Pulau Mabul, Sabah. Sempena ulang tahun ke-110 Nestlé di Malaysia, pasukan penyelam di Pulau Mabul juga telah menanam 110 karang di bawah penyeliaan pakar.

Dalam usaha untuk terus mengukuhkan komitmen Syarikat terhadap kerjasama antara sektor awam dan swasta demi mempercepatkan peralihan kepada masa depan yang lebih hijau, inisiatif tahun ini turut disertai oleh 70 sukarelawan daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

Lokasi aktiviti pembersihan tahun ini meliputi Pantai Cunang dan Pantai Sg. Kajang, Selangor; Pantai Saujana, Negeri Sembilan; Pantai Teluk Bahang, Pulau Pinang; Pantai Batu Buruk, Terengganu dan Teluk Likas, Sabah. Di samping itu, kerja pembersihan bawah laut dan pemuliharaan terumbu karang telah dilaksanakan di Pulau Tioman dan Pulau Mabul.

Selepas sampah dikutip, semua sisa telah diasingkan mengikut jenis bahan kitar semula, termasuk plastik, dan dihantar ke tempat pencucian dan kitar semula, lantas membolehkan bahan tersebut digunakan semula dan memastikan ia tidak sampai ke laut.

Sementara itu, bahan yang tidak boleh dikitar semula telah dihantar oleh rakan kitar semula Nestlé, iaitu KPT Recycle Sdn Bhd, ke loji sisa kepada tenaga.

Aktiviti membersihkan pantai Nestlé Malaysia bermula pada 2019 sebagai inisiatif sukarelawan kakitangan di bawah program Nestlé Cares. Setakat ini, lebih daripada 12 tan sisa telah dikutip menerusi aktiviti pembersihan pantai dan laut tahunan ini. Usaha ini mencerminkan wawasan Syarikat untuk memastikan tiada plastik atau bahan pembungkusan sampai ke laut.

Nestlé Malaysia terus mencapai kemajuan signifikan dalam usaha mengurangkan sisa plastik, malah merupakan syarikat pertama di seluruh dunia untuk menggantikan 100% daripada straw plastik dengan straw kertas yang diperolehi secara lestari bagi semua produk UHT dan juga syarikat pertama di ASEAN untuk menggunakan 100% resin kitar semula (rPET) bagi seluruh rangkaian minuman dalam botolnya.

Nestlé Malaysia terus menggalakkan kesedaran alam sekitar menerusi Program Kutipan dan Kitar Semula Pintu ke Pintu (D2D), yang kini mencakupi lebih daripada 90,000 isi rumah di Selangor dan Kuala Lumpur menerusi kerjasama KPT Recycle Sdn Bhd dan beberapa majlis perbandaran. Sementara itu, program CARETON akan mengumpulkan lebih daripada 50 juta pek UHT tahun ini untuk proses pengasingan dan kitar semula serta penggunaan semula pelbagai komponen bahan pembungkusan tersebut. Secara keseluruhannya, usaha Syarikat telah membolehkan lebih daripada 5,000 tan sisa dikutip, diasingkan dan dikitar semula pada tahun 2022.

Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Kita perlu bekerjasama dan menggembeng tenaga untuk melindungi bumi kita dan kami menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama kami dalam usaha ini. Tindakan kami untuk mengurangkan penggunaan plastik dan menggalakkan pengutipan, pengasingan dan kitar semula adalah sebahagian daripada ikrar kami untuk menangani isu perubahan iklim dan mempercepatkan proses mencapai pelepasan karbon sifar dan bebas plastik. Kami telah mencapai kemajuan yang signifikan setakat ini, dan kami akan terus menggiatkan usaha menerusi pelbagai program yang dianjurkan."

Malah, Nestlé Malaysia juga berusaha meneruskan program penanaman semula hutan yang dinamakan Projek RELeaf, dengan sasaran untuk menanam tiga juta pokok di lokasi tertentu di Malaysia. Selepas tertangguh akibat perintah kawalan pergerakan COVID-19, Projek RELeaf kini bersedia untuk mencapai sasarannya menjelang tahun 2024. Di samping itu, berpandukan matlamat mengurangkan jejak karbon, pada bulan Januari 2022, Nestlé Malaysia telah berjaya beralih kepada 100% tenaga boleh diperbaharui bagi operasinya di Malaysia dan terus menggalakkan amalan pertanian regeneratif dalam kalangan pekebun kopi, cili dan padi yang menyertai program pemerolehan tempatan kendaliannya di Kedah, Kelantan dan Selangor.

“Program pembersihan pantai dan laut yang kami lakukan amat bermakna kepada kami kerana ia membolehkan kakitangan untuk turut menyumbang kepada usaha alam sekitar Nestlé dan menyumbang kepada peralihan hijau Syarikat. Menerusi aktiviti tahunan ini, selain daripada mengeratkan hubungan antara anggota pasukan, kami berhasrat untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik orang awam tentang pelupusan plastik dan sisa lain secara bertanggungjawab.”

“Dengan pelaksanaan semua inisiatif ini dan sasaran jelas bagi program kelestarian, kami akan terus berusaha membina masa depan yang lebih cerah untuk semua dan mencetus perubahan yang bermakna dan positif untuk bumi kita,” rumus Aranols.

###

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456  
+6012-235 6865

E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com)

**Farah Iman atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348  
+60 12 334 1841 (Farah Iman) atau  
+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)